



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

KOSTUM IPOK

DALAM PERSEMBAHAN SERAHANG KAKAN MODEN

Nur Ardilla Binti Abdul Latif

53095

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(WA06 -Drama &Teater)

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

✓

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 7th day of June 2018.

Student's Declaration:

I Nur Ardilla Binti Abdul Latif, 53095, Faculty of Applied And Creative Arts hereby declare that the work entitled, "*Kostum Ipok dalam Persembahan Serahang Kakan Moden*" is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

07.06.2018

Date submitted



NUR ARDILLA BINTI ABDUL LATIF

(53095)

Supervisor's Declaration:

I, Abdul Walid Bin Ali hereby certifies that the work entitled, "*Kostum Ipok dalam Persembahan Serahang Kakan Moden*" was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **Bachelor Of Applied Arts With Honours (Drama and Theatre)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



(ABDUL WALID BIN ALI)

Date:

7/6/18

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (✓)):

YES

NO

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature _____

(7th June 2018)

Supervisor's signature: _____

(7th June 2018)

Current Address: 33A, KAMPUNG SUNGAI MAONG HILIR. 93150, KUCHING, SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

KOSTUM IPOK DALAM PERSEMBAHAN SERAHANG KAKAN MODEN

NUR ARDILLA BINTI ABDUL LATIF

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Program Drama & Teater)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Kostum Ipok dalam Persembahan Serahang Kakan Moden**' telah disediakan oleh **Nur Ardilla Binti Abdul Latif** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Abdul Walid bin Ali)

Tarikh:

- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature _____

Supervisor's signature: _____

June 2018)

June 2018)

(7th

(7th

Current Address: 33A, KAMPUNG SUNGAI MAONG HILIR, 93150, KUCHING, SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin_Nya dapatlah pengkaji menyiapkan tugas projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda pengkaji di UNIMAS dalam kursus projek tahun akhir. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa pengkaji iaitu Abdul Latif Bin Salleh dan Masni Binti Haji Morri serta ibu saudara pengkaji iaitu Rokiah Binti Haji Morri kerana telah banyak memberikan semangat dan sokongan dari segi kewangan serta pengangkutan dalam menyiapkan kajian pengkaji. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada pensyarah merangkap penyelia pengkaji iaitu Abdul Walid Bin Ali kerana telah banyak memberikan bimbingan dan nasihat sehingga tugas ini dapat disiapkan. Penghargaan dan terima kasih juga pengkaji ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan bantuan bagi melengkapkan tugas projek. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu pengkaji sama ada secara langsung atau tidak langsung terutama kepada responden pengkaji yang telah membantu melengkapkan pencarian data pengkaji dalam projek ini. Semoga Allah SWT memberikan balasan yang lebih baik juga. Amin.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii - iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
BAB 1: PENGENALAN	1 - 14
1.1 Melanau dan Kaul	1 - 4
1.2 Latar Belakang Kajian	5 - 6
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop Kajian	11 - 12
1.8 Kerangka Konsep	13
1.9 Kesimpulan	14
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	15 - 36
2.1 Persembahan Tradisi Melanau	15 - 23
2.2 Kaul - Persembahan dan Kepercayaan	23 - 31
2.3 Serahang	32 - 34
Representasi Ipok dalam Serahang	34 - 36
BAB 3: KAJIAN METODOLOGI	37 - 40

3.1 Responden	37 - 38
3.2 Sumber Rujukan	38 - 40
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	41 - 61
4.1 Elemen Kostum Ipok	41 - 50
4.2 Justifikasi Kostum Ipok	51 - 61
BAB 5: KESIMPULAN	62 - 66
Cadangan	64 - 65
Rumusan	65 - 66
BIBLIOGRAFI	67
LAMPIRAN	68 - 69

Abstrak

Penggunaan kostum Ipok semasa persembahan Serahang Kakan berbeza pada setiap tahun sambutan Kaul. Elemen pemakaian Ipok adalah wujud daripada mimpi si pembuat topeng Ipok. Kostum Ipok digunakan supaya kewujudan Ipok dapat dilihat dan akan dinanti-nantikan oleh pengunjung. Faktor perubahan kostum Ipok dikaji dalam kajian.

Abstract

In the serahang kakan ritual, Ipok's costumes are different every year in each performance. The application elements of Ipok are inspired from dreams of the Ipok mask maker. Costumes of Ipok are used in order to visible the Ipok and will be anticipated by visitors. The transformations of Ipok costume is studied in the study.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Melanau dan Kaul

Kaum Melanau pada asalnya menetap di muara sungai dan juga anak sungai di kawasan persisiran dari daerah Rajang sehinggalah ke daerah Bintulu. Selain daripada itu, kaum komuniti ini juga mempunyai penempatan yang tinggal berhampiran dengan laut seperti Plaoh, Belawai, Daro, Matu, Igan, Oya, Mukah dan Bintulu. Bahagian luar bandar pula adalah seperti Dalat, Medong, Kut, Narub, Balingian dan Tatau. Kawasan yang pengkaji akan kaji adalah di kawasan Mukah di mana kawasan tersebut merupakan lokasi di mana Pesta Kaul diadakan pada setiap tahun. Kebanyakan rumah mereka dibina di tepi sungai dan berdekatan dengan kawasan pantai. Masyarakat Melanau biasanya menganut agama Islam dan agama Kristian. Namun begitu, sesetengah daripada mereka tidak kira beragama apa pun akan mempercayai makhluk ghaib yang dipanggil Ipok. Masyarakat Melanau ini merupakan masyarakat yang terawal menetap di kawasan Mukah.

Kegiatan ekonomi bagi kaum Melanau yang utama di Mukah adalah menangkap hasil laut serta menjadi petani dalam penanaman padi. Perusahaan sagu yang menjadi bahan masakan mahupun makanan yang terkenal di Sarawak adalah diusahakan oleh kaum Melanau sendiri. Kaum Melanau mempunyai perayaan yang akan disambut secara besar-besaran pada bulan Mac atau April iaitu dalam bulan pengejin mengikut kalendar Melanau. Budaya dalam perayaan ini diadakan adalah bagi menjamu Ipok iaitu makhluk ghaib mengikut kepercayaan mereka. Pesta ini biasanya disambut dan diraikan di tepi kawasan pantai. Pada ketika sambutan Pesta

Kaul, penduduk atau pengunjung dilarang sama sekali untuk mandi atau memancing ikan di pantai tersebut. Hal ini kerana peraturan tersebut merupakan pantang larang bagi kaum Melanau dalam sambutan Pesta Kaul.

Di Mukah pula, seseorang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat kaum Melanau akan dilantik mengetuai upacara Kaul. Individu tersebut akan digelar sebagai Bapa Kaul di mana untuk menjadi Bapa Kaul ini biasanya adalah berasal dari turun-temurun. Persembahan Kaul tidak boleh dilakukan sebarang tanpa membuat apa-apa persediaan. Selain daripada pantang larang, terdapat persembahan penting yang perlu ada semasa pesta Kaul. Persembahan ini wajib dilakukan pada permulaan pesta Kaul iaitu pada hari pertama persembahan berlangsung.

Persembahan yang dimaksudkan adalah persembahan serahang. Persembahan serahang merupakan persembahan yang akan memberi makan Ipok dengan menggunakan talam yang dipanggil sebagai serahang. Talam yang digunakan bukanlah seperti yang kita selalu lihat di kedai-kedai jualan tetapi talam yang diperlukan bagi upacara Kaul ini merupakan talam yang diperbuat daripada daun nipah. Oleh itu, makanan yang telah diletakkan di dalam talam yang diperbuat daripada daun nipah itu tadi dipanggil serahang oleh masyarakat Melanau. Biasanya lauk-pauk yang disediakan adalah '*papit*' di mana papit merupakan nasi pulut yang telah dimasak di dalam daun. Menu lain pula adalah 'belen' yang dikenali sebagai sirih pinang serta rokok yang diperbuat daripada daun apung. Rokok ini merupakan rokok yang dihisap oleh orang tua zaman dahulu.

Sebagai menunjukkan pesta Kaul ini adalah simbolik kepada hari perayaan kaum Melanau, serahang-serahang ini akan didirikan di sekitar muara

sungai dan seterusnya lauk pauk tadi akan dihidangkan bersama talam atau dikenali sebagai serahang tadi. Seterusnya, Bapa Kaul akan menaburkan beras kuning di sekeliling persembahan serahang bagi menjemput Ipok yang merupakan dewa bagi kepercayaan kaum Melanau untuk makan jamuan yang telah disediakan. Sebagai ganjaran, Bapa Kaul akan membaca doa yang ditujukan kepada Ipok supaya rezeki yang banyak akan dilimpahkan kepada mereka semua pada masa akan datang (Yasir Abdul Rahman 1987).

Di samping itu, upacara serahang ini merupakan upacara utama yang akan dilakukan pada hari pertama sambutan Kaul. Serahang tersebut akan dipenuhi dengan makanan untuk menjadi santapan Ipok. Oleh itu, serahang dan makanan jamuan merupakan persediaan pertama yang perlu disiapkan oleh penduduk sebelum upacara persembahan bermula. Serahang ini pula adalah diperbuat daripada daun nipah. Justeru itu, makanan yang telah diletakkan di dalam talam yang diperbuat daripada daun nipah itu tadi adalah dinamakan sebagai serahang (Yasir Abdul Rahman 1987).

Setelah upacara membaca doa selesai, maka acara hiburan akan diadakan seperti acara lumba perahu. Oleh itu, persembahan ini telah menarik ramai pengunjung bukan sahaja dari daerah berdekatan iaitu Sibu malah penduduk dari daerah seperti Kuching dan Miri sanggup berkunjung ke Mukah untuk menyaksikan persembahan ini sendiri di depan mata. Keadaan ini telah memeriahkan suasana persembahan Kaul dan persembahan ini menjadi acara wajib untuk dianjurkan di Mukah pada setiap tahun dan dinamakan sebagai Pesta Kaul di Mukah, Sarawak.

Kaul dalam bahasa Sarawak pula didefinisikan sebagai pesta untuk bersuka ria. Namun begitu, persembahan Kaul ini sebenarnya dilakukan oleh golongan yang berpegang kepada kepercayaan lama sahaja. Bagi masyarakat Melanau yang telah menganut agama Islam mahupun Kristian, sudah semestinya mereka tidak akan mempraktikkan amalan ini kerana ianya bertentangan dengan kepercayaan agama mereka, maka perayaan ini akan dianggap sebagai perayaan sosial sahaja.

Selain itu, baju yang digunakan oleh jelmaan Ipok pula adalah berbeza pada setiap tahun. Jelmaan Ipok akan muncul menggunakan kostum yang berbeza pada setiap tahun persembahan serahang. Jelmaan Ipok ini akan muncul ketika persembahan serahang berlangsung iaitu pada hari pertama perayaan Kaul. Pengkaji pernah melihat baju kurung digunakan tetapi jenis baju kurung tersebut adalah berbeza. Contohnya dari segi corak dan fabrik baju kurung.

Terdapat tahun di mana Ipok menggunakan baju kurung bercorak masyarakat Iban. Hal ini telah menjadikan pengkaji bertambah keliru dan tertarik untuk mengetahui punca dan sebab pemilihan baju kurung bercorak kain Iban digunakan. Terdapat percampuran etnik dan budaya yang dapat dilihat di mana baju kurung merupakan baju tradisional masyarakat Melayu manakala corak pada baju kurung pula merupakan corak masyarakat kaum Iban.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepercayaan dalam sambutan Kaul ini telah bermula sejak 400 tahun yang lalu. Hal ini terjadi apabila beberapa buah Kampung di Mukah termasuk Kampung Tellian dan juga Kampung Petanak dikatakan telah dilanda wabak penyakit *peraun*, *puhow dabow* iaitu penyakit campak dan *putak manek* iaitu cirit-birit. Penyakit ini telah merebak dengan pantas ke seluruh Kampung sehingga mengorbankan ramai penduduk. Penyakit ini banyak meragut nyawa bayi, kanak-kanak, dan juga orang tua tidak kira lelaki mahupun wanita. Walaubagaimanapun, keadaan penduduk Kampung masih tidak terkawal kerana penyakit tersebut masih juga merebak (Yasir Rahman, 1987).

Menurut Yasir Rahman (1987), terdapat cerita yang mengisahkan seorang lelaki Melanau juga telah bermimpi dan diberikan isyarat bahawa sesuatu perlu dilakukan agar penyakit tersebut tidak menular lagi. Lelaki tersebut kemudiannya telah memberitahu penduduk Kampung mengenai mimpinya dan memberitahu bahawa terdapat Ipok yang telah menjadi punca kepada segala penyakit yang menular di Kampung mereka pada ketika itu. Lelaki berkenaan juga menambah lagi bahawa Ipok tersebut perlu diberi makan serta dipujuk oleh mereka. Justeru itu, wujudnya perkataan Ipok yang merupakan makhluk berdaulat yang perlu dipujuk, diberi makan atau perlu membuat persembahan pada musim tertentu kerana takut Ipok tersebut akan mengamuk.

Mengikut kepercayaan yang dianuti masyarakat Melanau suatu ketika dahulu, Ipok akan mengamuk kerana kesilapan manusia yang mungkin telah menceroboh tempat kediaman mereka. Oleh itu, upacara memberi Ipok makan harus

dijalankan bagi memujuk Ipok yang telah mengamuk dengan memberikan makanan seperti menabur sagu, tetupek, dan makanan lain yang telah dicampurkan dengan beras kuning serta menggunakan bacaan tertentu di sepanjang sungai serta di muara anak-anak sungai Kampung berkenaan. Hal ini telah membantu penduduk Kampung sehingga menyebabkan jumlah penduduk yang mati akibat gejala penyakit tersebut telah berkurangan. Menurut kepercayaan masyarakat Melanau lagi, setiap muara sungai dan teluk dipercayai terdapat Ipok dan semangat jahat yang memerlukan ketua adat yang dikenali sebagai Bapak Kaul untuk menabur beras kunyit serta makanan.

Oleh itu, kaul ini telah diadakan pada setiap tahun kerana penduduk mendapati bahawa upacara tersebut berkesan dalam memujuk Ipok seterusnya mengawal malapetaka yang datang. Penduduk Melanau telah menggunakan serahang yang diletakkan dengan makanan untuk menjamu Ipok serta memujuk Ipok supaya memberi limpahan rezeki kepada mereka. Selain daripada itu, makanan yang terdapat di dalam serahang ini dielakkan untuk memberi makanan yang mengandungi darah kerana pantang larang bagi persembahan serahang tidak memberikan makanan yang mempunyai darah dalam pemrosesannya. Hal ini bagi mengelakkan Ipok ketagih dengan darah dan mencari darah manusia (Yasir Rahman, 1987).

1.3 Penyataan Masalah

Melalui kajian persembahan Kaul yang disambut oleh kaum Melanau, pengkaji mendapati beberapa masalah berkenaan persediaan yang dilakukan semasa persembahan ini dijalankan iaitu persediaan jelmaan Ipok. Melalui pemerhatian kajian pengkaji terhadap pencarian imej dan juga buku-buku yang berkaitan, pengkaji mendapati bahawa kostum yang digunakan oleh Ipok yang merupakan dewa kepada masyarakat kaum Melanau (mengikut kepercayaan pagan) adalah berbeza pada setiap tahun. Selain itu juga, pengkaji mendapati kostum yang digunakan seolah-olah hanya menggunakan pakaian yang telah siap iaitu pakaian yang sedia ada.

Sekiranya dibandingkan kostum Ipok pada zaman dahulu dan pada masa kini adalah sangat berbeza dari segi bahan dan jenis pakaian. Pengkaji menghadapi masalah dalam mengkaji makna penggunaan kostum Ipok. Hal ini kerana pengkaji tidak dapat mengenal pasti ciri-ciri yang perlu ada pada kostum yang akan digunakan oleh Ipok berkenan kerana perubahan kostum akan sentiasa berlainan pada setiap tahun. Selain daripada itu, Ipok turut akan memunculkan diri semasa persembahan serahang dan jumlah Ipok adalah turut berbeza pada setiap tahun.

1.4 Objektif Kajian

1. Menghuraikan elemen-elemen kostum Ipok semasa persembahan Serahang Kakan moden.
2. Menganalisis justifikasi pemilihan kostum Ipok semasa persembahan Serahang Kakan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah elemen yang terdapat dalam kostum Ipok?
2. Bagaimanakah Ipok mendapatkan kostum semasa persembahan serahang berlangsung?
3. Siapakah yang terlibat dalam penggunaan kostum Ipok?
4. Mengapakah jelmaan Ipok tidak menggunakan kostum yang bercirikan adat Melanau?
5. Mengapakah pemilihan kostum Ipok berubah pada setiap tahun persembahan Serahang Kakan berlangsung?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kostum Ipok yang dilakukan bukan sahaja memberi kepentingan kepada pengkaji sendiri tetapi turut memberi kemudahan kepada pengkaji lain di masa akan datang bagi mendapatkan maklumat berkaitan persembahan Kaul ini sama ada dari aspek serahang mahupun penggunaan kostum Ipok yang unik tersebut. Selain daripada itu, kajian ini turut dapat membantu masyarakat Melanau sendiri yang mungkin kurang mengetahui makna dalam sambutan persembahan Kaul terutama penggunaan kostum Ipok.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini akan membantu masyarakat lain untuk memahami dan menghormati apa sahaja bentuk persembahan yang diamalkan oleh masyarakat khususnya persembahan Kaul kerana setiap perbuatan yang mereka lakukan mempunyai makna tersendiri dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak atau masyarakat lain yang boleh menjadikan isu seperti ini adalah sensitif. Oleh itu, sedikit ilmu yang pengkaji akan kaji dan nyatakan di dalam kajian kostum Ipok dalam Serahang Kakan, Kaul ini akan memberi impak positif untuk individu lain memahami persembahan kaum Melanau.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian pengkaji adalah berlaku di bahagian Mukah iaitu di antara daerah Sibu dan juga Bintulu. Hal ini kerana persembahan Kaul akan berlangsung di tapak pesta Kaul, pantai Mukah. Sebelum persembahan Kaul dimulakan di pantai Mukah, persembahan ini akan bermula di Kampung Tellian terlebih dahulu kerana individu yang terlibat akan menaiki bot dengan membawa serahang dari Kampung Tellian sehingga ke pantai Mukah. Pengkaji juga perlu menemu bual individu yang mengetahui dengan mendalam mengenai persembahan serahang atau jelmaan Ipok yang menggunakan kostum bagi menjawab persoalan kajian pengkaji nanti.

Selain daripada itu, pengkaji turut perlu menghadiri sendiri persembahan Serahang Kakan, Kaul di mana kebiasaannya akan dianjurkan sekali setahun di antara bulan Mac, April atau Mei. Selain berfokuskan kepada persembahan yang terdapat dalam pesta Kaul ini, pengkaji turut tertarik dengan kostum yang digunakan dalam persembahan. Hal ini demikian kerana kostum yang digunakan oleh Ipok adalah mempunyai makna yang tersendiri yang ingin pengkaji ketahui. Pengkaji juga ingin mengetahui sebab mengapa kostum Ipok Melanau mengalami perubahan di antara masa dahulu dan masa kini. Hal ini kerana kostum Ipok juga akan mengalami perubahan pada setiap tahun sama ada jenis penggunaan baju yang berlainan atau jenis bahan yang berbeza digunakan.

Oleh sebab kostum Ipok ini adalah berbeza pada setiap tahun, maka jelmaan Ipok menjadi tarikan unik yang boleh dilihat dan dinantikan oleh para pengunjung pada setiap tahun semasa pesta Kaul di Mukah. Kostum yang dipakai oleh Ipok menjadi tanda tanya kepada pengkaji sehingga pengkaji mendapat idea

untuk menjalankan kajian ini di mana penggunaan dan pemilihan baju Ipok amat berbeza dengan pemakaian kaum Melanau sendiri. Hal ini kerana Ipok merupakan dewa bagi kaum Melanau tetapi kewujudan Ipok yang muncul semasa persembahan Serahang Kakan dalam pesta Kaul adalah tidak mempunyai unsur budaya kaum Melanau sama sekali.

1.8 Kerangka Konsep

